



<b>Ruj Kami:</b>
[Redacted]
<b>Tarikh:</b>
[Redacted]

**NOTIS MAKLUMAN PEMATUHAN KEPADA AKTA SYARIKAT 2016 (AKTA 777)  
BAGI TAHUN TAKWIM 2024**

**Nama Syarikat :** [Redacted]

**No. Pendaftaran :** [Redacted]

Tuan/Puan,

Dimaklumkan bahawa Akta Syarikat 2016 (Akta 777) memperuntukkan tentang keperluan untuk mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (MAT), serah simpan Penyata Tahunan dan juga Penyata Kewangan Beraudit.

2. Keterangan ringkas berkaitan pematuhan adalah seperti berikut:

Perkara	Seksyen/ Peraturan	Keterangan		Maksimum Penalti (RM)
		Syarikat Awam	Syarikat Persendirian	
Serah simpan Penyata Tahunan	68(1)	Syarikat berkewajipan menyerahkan Penyata Tahunan dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh ulang tahun syarikat diperbadankan		50,000
Penyediaan Penyata Kewangan Beraudit	248(1)	Pengarah syarikat hendaklah menyediakan: <ul style="list-style-type: none"> <li>● Penyata Kewangan Beraudit pertama dalam tempoh lapan belas (18) bulan dari tarikh syarikat diperbadankan</li> <li>● Penyata Kewangan Beraudit berikutnya dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh kewangan berakhir</li> </ul>		500,000
Pengedaran (circulation) Penyata Kewangan Beraudit	258	Diedarkan selewat-lewatnya dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh MAT	Diedarkan kepada anggota syarikat dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh tahun kewangan berakhir	50,000
Serah simpan Penyata Kewangan Beraudit	259(1)	Penyata Kewangan Beraudit perlu diserahkan dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh MAT	Penyata Kewangan Beraudit perlu diserahkan dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh ianya diedarkan kepada anggota syarikat	50,000

Perkara	Seksyen/ Peraturan	Keterangan		Maksimum Penalti (RM)
		Syarikat Awam	Syarikat Persendirian	
Mesyuarat Agung Tahunan (MAT)	340(2)	<ul style="list-style-type: none"> <li>MAT pertama: hendaklah diadakan dalam tempoh lapan belas (18) bulan dari tarikh syarikat diperbadankan</li> <li>MAT selanjutnya: hendaklah diadakan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh kewangan berakhir DAN tidak melebihi tempoh lima belas (15) bulan dari tarikh MAT yang terdahulu</li> </ul>	Tiada keperluan untuk mengadakan MAT	20,000

3. Berikut merupakan 'COMPLIANCE CLOCK' sebagai panduan berhubung perkara di atas.


### "COMPLIANCE CLOCK"

Penyata Kewangan Beraudit yang disediakan hendaklah memberi gambaran yang 'true and fair view' serta mematuhi piawaian yang diluluskan iaitu MPERS atau MFRS.

Penyata Kewangan Beraudit perlu diserahkan dalam tempoh:

- Syarikat Berhad: 30 hari** dari tarikh MAT.
- Syarikat Persendirian:** 30 hari dari tarikh ianya diedarkan kepada anggota syarikat.

Penyata Tahunan perlu diserahkan selawatnya pada: **02/04/2024**



Tahun:  
**2024**

Nama Syarikat:  
**SAMA ABADI SDN. BHD.**

No. Syarikat:  
**201701006399 (1220564-U)**

Tarikh Syarikat Diperbadankan:  
**03/03/2017**

Keperluan mengadakan MAT bagi **Syarikat Berhad** sahaja:

- MAT pertama: **18 bulan** dari tarikh syarikat diperbadankan.
- MAT berikutnya dalam tempoh **15 bulan** dari MAT yang terdahulu.

**KE ARAH  
PEMATUHAN 100%**

#### PERHATIAN:

- Kegagalan syarikat menyerahkan Penyata Tahunan untuk tempoh tiga (3) tahun atau lebih berturut-turut boleh menyebabkan tindakan pematongan nama syarikat di bawah seksyen 68(8) Akta Syarikat 2016.
- Sekiranya pemilik syarikat tidak lagi berhasrat untuk meneruskan operasi syarikat, penggulungan syarikat secara sukarela boleh dibuat di bawah seksyen 431 Akta Syarikat 2016 atau memohon pematongan nama syarikat di bawah seksyen 550 akta yang sama.
- Sila rujuk laman web kami di [www.ssm.com.my](http://www.ssm.com.my) atau hubungi 03-5511 6500 atau emel kepada [osmali@ssm.com.my](mailto:osmali@ssm.com.my).
- Sila abaikan notis ini sekiranya Penyata Tahunan syarikat yang terkini telah diserahkan kepada SSM.

Notis ini adalah cetakan komputer, tandatangan tidak diperlukan.